

# Tingkat integriti, bersihkan imej pasukan polis

**Polis** dan masyarakat berpisah tiada, begitulah slogan Sambutan Hari Polis ke-214 tahun ini. Kedua-dua entiti saling memerlukan dengan kepercayaan menjadi asas dalam sesuatu perhubungan.

Tiada kompromi dengan anggota dan pegawai polis tidak berintegriti serta menjelaskan maruah Polis Diraja Malaysia (PDRM). Begitulah amaran keras Ketua Polis Negara, Tan Sri Ab-

dul Hamid Bador, baru-baru ini yang menarik perhatian pelbagai pihak.

Beberapa hari sebelumnya, Abdul Hamid mendedahkan kewujudan kartel dalam kalangan anggota dan pegawai PDRM bagi menguasai jawatan penting, selain menjatuhkan pegawai atasan PDRM untuk kepentingan peribadi.

Salah laku dalam kalangan anggota polis bukanlah rahsia kerana melalui pendedahan di media massa, ada sahaja kes jenayah dilaporkan seperti rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, penyeludupan dadah, pembabitan dengan kumpulan sindiket dan kongsi gelap.

Pada mata masyarakat, sebagai badan beruniform utama menguatkuaskan dan menegakkan undang-undang untuk melindungi keselamatan rakyat, perbuatan anggota PDRM ‘tersasau lauan’ ini ibarat harapan pegar, pegar makan padi.

Walaupun hanya membabitkan segelintir, seperti ditegaskan Ketua Polis Negara, rakyat berhak mendapat khidmat adil, telus dan mesra serta beliau tidak mahu berdepan situasi PDRM digunakan untuk mengugut orang yang tampil mendapatkan penjelasan dan menghukum mereka sewenang-wenangnya.

Keadaan kerana nila setitik rosak suu sebelanga atau dek kerbau sekor habis sekampung terpalit lumpur ini lah ingin diperangi Ketua Polis Negara.

Tindakan beliau membuat pendedahan mengenai isu kartel itu walaupun dilihat orang luar ibarat membuka pekung di dada, jika diteliti ini ialah amaran terakhir ketua kepada anak buahnya sebelum tindakan diambil.

“Saya sendiri sanggup berkongsi cerita tidak baik itu sebagai pengajaran kepada anak buah di bawah, selain memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa polis tidak bersekongkol melindungi kegiatan jijik ini,” katanya.

Penulis senada dengan pendirian Ketua Polis Negara bahawa tindakannya mendedahkan budaya kutip duit dan

ugutan oleh anggota dan pegawai kartel adalah bertujuan untuk menghaluskan budaya perosak serta mahu menjamin perkhidmatan polis berintegri di negara ini.

Beliau tidak berlapik apabila menyatakan budaya kartel dianggap mahu menghancurkan institusi kepolician dan mengelakkan budaya *Blue Code of Silent* seperti di Amerika Syarikat (AS) dengan menutup segala kesalahan sama pegawai polis menjadi norma dalam PDRM.

Hakikatnya, gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan boleh berlaku dalam mana-mana agensi penguatkuasa atau organisasi bukan berbentuk penguatkuasaan sekalipun.

Kita sebagai rakyat terus mengarakkan peranan menjadi mata-mata untuk melaporkan gejala tidak bermorali yang boleh memusnahkan negara ini kepada pihak berkuasa.

Penulis sendiri dan seluruh rakyat Malaysia masih mempunyai keyakinan dan kepercayaan tinggi kepada PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan agensi penguatkuasaan lain dalam melaksanakan amanah berat dipertanggungjawab di bahu dan pakaian seragam disarung mereka.

**Mohd Zaini Othman**  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

